

## **PERASMIAN SEMINAR PELABURAN NEGERI JOHOR**

PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA, KUALA LUMPUR, 24 JULAI 1989

Yang Amat Berhormat Tan Sri Muhyiddin Yassin,  
Menteri Besar Johor;  
Dif-dif Kehormat;  
Tuan-tuan dan Puan-puan.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Tan Sri Muhyiddin kerana menjemput saya merasmikan Seminar Pelaburan Negeri Johor ini. Saya berharap Seminar ini akan mencapai objektifnya iaitu memberi maklumat lanjut mengenai kemudahan pelaburan di Johor kepada para pelabur di Lembah Kelang, termasuklah Kuala Lumpur.

Tuan-tuan dan puan-puan,

2. Tanggungjawab Kerajaan terhadap kebahagiaan hidup majoriti rakyat adalah perkara yang utama dalam membentuk dasar-dasar Kerajaan. Kerajaan tidak boleh memberi keistimewaan kepada satu golongan kecil dengan mengorbankan kepentingan dan kesejahteraan hidup majoriti rakyat.

3. Kita telah menghadapi kesan kemelesetan, ramai penduduk negara kita menganggur, termasuk ramai siswazah-siswazah universiti. Bilangan mereka meningkat tahun demi tahun apabila anak-anak muda meninggalkan sekolah dan universiti untuk mencari pekerjaan. Di samping itu mereka yang sudah bekerja pun kadang-kadang terpaksa diberhentikan. Dalam keadaan yang mana jumlah tenaga manusia melebihi permintaan, pendapatan pekerja tidak mungkin meningkat.

4. Bagi mengatasi masalah kemelesetan ini, kita mempunyai dua pilihan. Kita boleh mengutamakan segolongan kecil pemodal tempatan memulakan perusahaan apabila mereka mampu, atau kita mengutamakan peluang pekerjaan bagi ramai yang menganggur dan yang berpendapatan rendah dengan menarik pelabur-pelabur asing bersama. Berhadapan dengan masalah ini kita memilih kepentingan pekerja dan penganggur yang ramai. Pelabur tempatan akan berpeluang kemudian apabila ekonomi tumbuh semula dan mereka sekali lagi mendapat modal setelah mengatasi tekanan kewangan akibat kemelesetan. Jika pelaburan dari dalam negeri tidak ada, dan pelaburan dari luar negeri dihalang pula, kesannya ialah pekerja tidak akan mendapat pekerjaan dan yang menganggur akan terus menganggur. Ekonomi negara tidak akan pulih dalam jangkamasa yang pendek dan penderitaan pekerja akan berterusan dan bertambah tahun demi tahun. Sementara itu hutang negara yang dibuat dahulu tidak akan dapat dibayar. Pembangunan negara juga akan terhalang kerana Kerajaan tidak mendapat hasil yang mencukupi.

5. Keadaan di beberapa negara di Asia, Afrika dan Amerika Selatan mencerminkan apa yang mungkin berlaku kepada kita jika kita tidak memulihkan ekonomi negara kita dengan segera. Di negara-negara ini, rakyat menderita kerana kemiskinan dan inflasi yang tidak dapat dikawal. Paras inflasi di

beberapa negara ini adalah sebanyak 2,000 peratus setahun. Harga barang-barang, termasuk makanan, naik setiap hari, adakalanya sekali di waktu pagi dan sekali lagi di sebelah petang. Duit tidak mempunyai nilai lagi. Akhirnya, rusuhan berlaku, kedai-kedai dirompak dan pihak asing dapat menghasut rakyat supaya mengganggu ketenteraman negara.

6. Jika hari ini keadaan di negara kita tidak seperti keadaan di negara-negara tersebut, sebabnya ialah kita menguruskan ekonomi kita dengan baik dan cermat. Peluang pekerjaan diutamakan apabila memberi galakan kepada pelaburan. Pendapatan negara ditentukan dengan menggalakkan industri yang berorientasikan eksport. Pinjaman luar dikurangkan melainkan jika pinjaman ini boleh menolong membangunkan ekonomi dan infrastruktur untuk kepentingan rakyat dan negara.

7. Pemulihan ekonomi di negara kita, yang kita lihat sekarang, bukan berlaku dengan sendirinya. Ada banyak negara, yang dekat dan yang jauh, yang masih tidak dapat memulihkan ekonomi mereka. Sebaliknya ada negara jiran yang membangun dengan pesat. Jika kita tidak dapat memberi kehidupan yang sempurna kepada rakyat kita, mereka akan terpaksa berhijrah ke negara yang maju ini untuk menjadi buruh kasar. Amatlah menghinakan jikalau rakyat kita terkenal sebagai punca buruh kasar dan kuli bagi negara lain. Tetapi inilah nasib yang menunggu rakyat kita jika kita mengutamakan kepentingan pemodal tempatan sahaja dan membelakangkan kepentingan rakyat biasa.

8. Pelaburan asing diperlukan sekarang untuk mengatasi kemungkinan-kemungkinan yang tersebut. Sementara kita telah dapat mengatasi kesan buruk ekonomi yang meleset, kita juga dapat memulihkan semula pemodal dan pengusaha tempatan. Mereka akan dapat sekali lagi meningkatkan peranan mereka dalam ekonomi negara. Hari ini pun dalam ekonomi yang sudah kita pulihkan terdapat pemodal tempatan yang cermat dan cekap menghasilkan barangan buatan ciptaan sendiri yang bukan sahaja dipasarkan dalam negeri, tetapi juga dieksport.

Tuan-tuan dan puan-puan,

9. Kerajaan sedang menyusun program perindustrian yang lebih agresif dan tersusun. Beberapa kelemahan struktur untuk melaksanakan program ini telah dapat dikenal pasti dan diatasi. Dan sekarang usaha-usaha untuk menjadikan perindustrian, terutamanya sektor pembuatan, punca utama pertumbuhan ekonomi negara sedang berjalan dengan lancar. Program perindustrian kita telah mengambilkira beberapa prinsip asas yang terkandung dalam perakuan Pelan Induk Perindustrian atau Industrial Master Plan.

10. Sektor pembuatan khasnya telah mencapai pertumbuhan yang sangat memuaskan, bahkan melebihi jangkaan Kerajaan. Ini disebabkan oleh permintaan ke atas barang-barang pembuatan kita yang tinggi dari luar negeri. Berikutan dengan pertumbuhan ini, sektor pembuatan telah memberi sumbangan yang sangat bermakna dalam beberapa aspek: kepada pertambahan KDNK, kepada pengwujudan peluang-peluang pekerjaan, dan

dalam peningkatan eksport negara, bahkan eksport bagi barang-barang pembuatan negara kita merupakan hampir setengah daripada jumlah eksport. Pendek kata perindustrian, terutama perindustrian bagi sektor pembuatan, akan menjadi tulang belakang ekonomi negara pada masa hadapan. Sehingga kini sektor ini telah membuktikan kemampuannya. Walau bagaimanapun, Kerajaan yakin kita boleh membangunkan sektor pembuatan dengan lebih pesat lagi.

11. Dalam usaha membangunkan sektor pembuatan, kita semua harus menerima hakikat bahawa sektor pembuatan merupakan sektor yang menghadapi persaingan yang paling pesat, bukan sahaja daripada negara-negara maju bahkan juga daripada negara-negara membangun. Dengan itu Kerajaan akan sentiasa membuat kajian dan terus membuat pengubah-suaian segala dasar dan strategi, serta berusaha bagi memperluaskan lagi asas perindustrian dalam sektor pembuatan.

12. Usaha penswastaan Kerajaan adalah sebahagian daripada usaha menggalakkan persaingan di kalangan swasta dan bagi meningkatkan mekanisma pasaran untuk memastikan segala sumber-sumber digunakan secara cekap tanpa pembaziran. Setakat ini dua puluh projek telahpun diswastakan, manakala sembilan projek lagi dalam peringkat penelitian terakhir untuk diswastakan. Secara tidak langsung dasar penswastaan meningkatkan lagi aktiviti-aktiviti perindustrian.

13. Seperkara lagi mengenai perindustrian negara kita ialah usaha Kerajaan memperkukuh dan mempelbagaikan asas perindustrian. Kerajaan akan memberi galakan serta insentif- insentif kepada pembangunan industri kecil dan sederhana, serta meningkatkan kecekapan dan daya persaingan kedua-dua industri tersebut daripada segi kualiti dan harga bagi menembusi pasaran eksport. Kerajaan akan cuba mengatasi halangan-halangan yang terdapat dalam industri kecil dan sederhana ini. Sebagai strategi jangka panjang pula, Kerajaan akan berusaha memodenkan, menyusun semula dan memperluaskan asas kedua-dua industri ini.

Tuan-tuan dan puan-puan;

14. Menyentuh tentang usaha-usaha pihak Kerajaan-kerajaan Negeri menarik pelaburan ke negeri masing-masing, Kerajaan Persekutuan secara tidak langsung memang menggalakkan persaingan antara Kerajaan-kerajaan Negeri supaya jentera Kerajaan Negeri akan menjadi lebih mampu bersaing dan dengan demikian akan terbina pentadbiran yang lebih licin dan berkesan. Ini akan menggalakkan pelaburan yang lebih pesat lagi. Beberapa buah negeri, oleh kerana lokasi yang strategik, dapat menarik pelaburan dengan lebih senang lagi daripada yang lain. Walaupun pertimbangan lokasi ini merupakan satu kenyataan yang tidak boleh dinafikan, persaingan antara Kerajaan-kerajaan negeri masih merupakan satu perkara yang sihat.

15. Bagi Negeri Johor pula, statistik pelaburan boleh dikatakan menarik juga. Bagi tiga tahun yang lalu, iaitu dari tahun 1986 hingga tahun 1988, bilangan projek industri pembuatan yang diluluskan untuk Johor adalah kedua

tertingginya di kalangan semua negeri, iaitu selepas Selangor. Daripada segi potensi mewujudkan peluang-peluang pekerjaan pula, projek-projek pembuatan di Johor mempunyai potensi yang lebih tinggi daripada Selangor, mungkin oleh kerana projek-projek di Johor lebih intensif penggunaan buruhnya daripada projek-projek di Selangor. Saya yakin Johor mempunyai keupayaan untuk menarik lebih banyak pelaburan.

Tuan-tuan dan puan-puan,

16. Saya ingin menyentuh sedikit tentang pelaburan Singapura di Malaysia. Pelaburan dari Singapura selalunya menduduki tempat kedua atau ketiga di kalangan negara-negara utama yang melabur di Malaysia semenjak beberapa tahun lalu. Dengan itu Singapura merupakan punca pelaburan yang penting bagi kita. Di samping itu, semenjak setahun-dua ini, industri-industri Singapura yang menggunakan ramai tenaga buruh telahpun menunjukkan minat untuk menempatkan banyak industri mereka di Malaysia.

17. Sehubungan dengan ini, negeri terdekat bagi Singapura ialah Johor. Saya sedar Kerajaan negeri Johor sedang berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk mengambil peluang baik ini. Saya percaya Johor akan dapat meningkatkan lagi bilangan projek industri pembuatan mereka dengan terdapatnya perkhidmatan yang lebih cekap kepada para pelabur.

18. Mengenai usaha menarik pelaburan daripada Lembah Kelang pula, usaha mengadakan Seminar ini menggambarkan persaingan antara negeri-negeri dalam menarik pelaburan. Seperti yang saya katakan tadi, biarlah persaingan ini berakhir dengan peningkatan kecekapan bagi pihak Kerajaan-kerajaan Negeri dalam menguruskan permohonan pelaburan di negeri masing-masing.

Tuan-tuan dan puan-puan;

19. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk berucap di Seminar ini. Saya berharap Seminar ini akan mencapai objektifnya. Dengan ini saya dengan sukacitanya merasmikan Seminar Pelaburan Negeri Johor ini.